

# Falsafah Dan Kebudayaan

## Kebangsaan Yang Halal – dan ‘Aşabiyah Jahiliah Yang Haram

“Islam tidak menghapuskan bangsa dan kebangsaan, malah Islam meletakkan dasar-dasar untuk subur hidupnya bangsa-bangsa dan suku-suku, atas dasar harga-menghargai, kenal-mengenal, memberi dan menerima. Kita boleh berbangga dengan bangsa kita asalkan jangan membawa kepada ‘aşabiyah jahiliah.” kata penulis rencana ini.

Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* telah membawa satu ajaran untuk menghapuskannya<sup>1</sup> apa yang dinamakan taasub, yang kerap kali dinamakan orang: Fanatik.

Akan tetapi tidak begitu tepat perkataan “fanatik” untuk menggantikan perkataan “taasub” itu.

Pakailah perkataan fanatik di dalam segala lapangan: Fanatik di dalam golongan-golongan (yang berbagai-bagai ideologi), dan fanatik dalam golongan kaum dan bangsa. Tentang ini barangkali elok juga saya kemukakan satu perkara yang kerap kali disangka orang, bahawa Islam bertentangan dengan adanya bangsa-bangsa. Kononnya Islam itu memungkirkan adanya bangsa-bangsa, seolah-olah kalau orang yang memeluk Islam itu tidak ada bangsanya lagi. Yang demikian itu tidak betul. Kita boleh menjadi seseorang Muslim yang taat, yang betul-betul Muslim dan kita dengan gembira boleh menyanyikan kebesaran bangsa dan tanah air. Kita harus dapat berbahagia dan bergembira memperlihatkan

kepada dunia luar inilah kami (bangsa Melayu), bahasa kami demikian, kebudayaan kami demikian, dan seterusnya.

Semua itu tidak ada salahnya, malah kita disuruh memberi hasil kepada kebudayaan dunia yang besar itu, sebagai anggota daripada keluarga bangsa-bangsa yang besar.

Tidak mesti seseorang Muslim itu menanggalkan kebangsaannya dan kebudayaannya. Malah Islam itu sendiri mengakui sebagai suatu keadaan tabii yang semula jadi. Undang-undang alam tidak akan dapat dimungkirkan. Dalam ajaran Islam disebutkan: Kamu ini dijadikan dalam golongan bangsa-bangsa dan suku-suku bangsa, ada yang putih kulitnya, ada yang hitam, ada yang kuning, ada pula yang merah.

Bahasanya pun ada bermacam-macam. Itulah dia keadaan tabii! Adanya yang demikian ialah supaya sekaliannya berkenal-kenalan dan bersefahaman. Alangkah bosannya kalau kita hanya melihat semua orang di dunia ini satu macam sahaja

<sup>1</sup> Kesilapan teks. Sebetulnya menghapuskannya

warnanya. Barangkali untuk menjauhkan diri dari perkara yang membosankan ini, mahu rasanya kita lari ke bulan atau ke bintang untuk mencari manusia yang lain.

Oleh kerana itu, keadaan tabii yang banyak corak dan ragamnya itu, atau undang-undang Tuhan yang telah berlaku dalam perikemanusiaan itu, tetaplah tinggal demikian. Janganlah, sementara kamu berkulit putih, lalu merasa lebih tinggi daripada bangsa yang berkulit hitam manis, sehingga mengambil satu alasan untuk menjajah mereka. Atau kalau kebetulan kamu berkulit hitam manis, janganlah merasa diri lebih tinggi daripada orang yang berkulit hitam. Itu bukan kebangsaan yang sihat. Itu sudah sampai kepada kecongakan bangsa, kesombongan bangsa, kefanatikan bangsa. Inilah bahaya yang dilarang oleh Islam. Islam menegaskan: “*Inna akramakum ‘inda Allāhi atqākum*”, jangan kamu sombong kerana kamu berbangsa ini atau berbangsa itu. Nilai seseorang atau golongan dan umat itu pada sisi Tuhan ialah sampai ke mana ia bertakwa kepada Allah. Sampai ke mana berharganya bagi perikemanusiaan. Islam ialah satu peraturan yang menghapuskan rasa fanatik dan kesombongan bangsa yang sempit, *racialism* kata orang Barat. Kalau cara ilmu fekah Islam, yang dilarang itu ialah ‘*aṣabiyah* jahiliah.

*Racialism*, diakui oleh orang yang pintar-pintar sekarang ini, adalah sebagai salah satu daripada punca penyakit-penyakit dunia yang menimbulkan peperangan. *Racialism* menimbulkan faham *fascist* sebagaimana yang dipakai oleh Hitler, yang mengatakan bahawa bangsanya ialah bangsa Yang di-Pertuan, sedang bangsa-bangsa lain ialah campuran yang tidak boleh

hidup sendiri. Tetapi mesti dijajah oleh bangsanya bangsa yang menjadi tuan itu. Inilah dia yang dikatakan ‘*aṣabiyah* jahiliah.

Tentang ini, Toynbee, ahli sejarah Inggeris yang terkenal, berkata: Dunia sekarang ada mempunyai dua penyakit, yang masih belum dapat dicarikan ubatnya. Penyakit itu ialah *racialism*. Dengan kupasan yang terang-terang, Toynbee menyatakan, bahawa *racialism* itu ialah punca kegoncangngan dunia sekarang ini. Yang kedua katanya ialah alkohol.

Seterusnya Toynbee berkata: Kalau ada satu peraturan yang dapat menghancurkan “*racialism*” dan “alkohol” itu, maka peraturan itu hanyalah Islam. Toynbee bukan seorang Muslim. Ia hanya seorang yang mengetahui Islam, ia seorang Kristian. Sebagai seorang ahli pengetahuan, sebagai seorang saintis, yang hanya melihat hakikat dan keadaan, dengan terus-menerus dia berkata seperti yang dikemukakan di atas itu.

Sekali lagi saya tegaskan, Islam tidak menghapuskan bangsa dan kebangsaan, malah Islam meletakkan dasar-dasar untuk subur hidupnya bangsa-bangsa dan suku-suku, atas dasar harga-menghargai, kenal-mengenal, memberi dan menerima. Kita boleh berbangga dengan bangsa kita asalkan jangan membawa kepada ‘*aṣabiyah* jahiliah.

(Demikian kesimpulan kupasan al-Ustadh Muhammad Natsir dalam salah satu tulisannya).